

**ERA KEGEMILANGAN ANDALUSIA. ANTARA FAKTA DAN IKTIBAR** oleh Rosli Mokhtar, 2013. Best Seller Publication: Selangor. Halaman 133. ISBN 978-967-0210-22-3.

Penulisan buku *Era Kegemilangan Andalusia* oleh Rosli Mokhtar ini adalah bertujuan untuk menghidangkan kepada para pembaca tentang kegemilangan sejarah Islam di bumi Andalusia suatu masa dahulu yang kini dikenali sebagai negara Sepanyol. Penggunaan gaya penulisan yang ringkas tetapi sarat dengan fakta berguna adalah untuk menceritakan secara mendalam berhubung asal usul wujudnya sebuah negara Islam di bumi Eropah suatu ketika dahulu. Nama Andalusia berasal dari istilah bahasa Arab iaitu Al Andalus yang merujuk kepada semenanjung Iberia yang dahulunya berada di bawah pemerintahan Muslim.

Buku ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian pertama menceritakan tentang sejarah Sepanyol yang membawa kepada kedatangan Islam, bahagian kedua pula menjelaskan tentang pemerintahan Sepanyol di bawah pentadbiran Gabenor, dan bahagian ketiga menerangkan tentang zaman pemerintahan beraja. Setiap helaian muka surat turut disertakan sekali dengan gambaran ilustrasi atau gambar bagi menambahkan kefahaman kepada para pembaca tentang maklumat yang disampaikan. Keadaan ini dilihat dapat menarik minat para pembaca untuk terus mengikuti huraian sejarah yang diterangkan tentang kegemilangan kerajaan Andalusia pada waktu dahulu.

Orang-orang Rom yang merupakan kuasa besar di Eropah pada tahun sekitar 450M telah menamakan semenanjung penempatan dengan nama Hispania, yang akhirnya membawa kepada nama Sepanyol. Sementara orang-orang Arab pula menggelarkan semenanjung tersebut dengan nama Andalus berdasarkan tanah Sepanyol pernah menjadi jajahan kuasa Islam. Para pembaca dapat mengikuti sejarah Sepanyol ini pada bahagian pertama buku. Sehingga kini nama Andalusia masih kekal tetapi sebagai sebuah wilayah sahaja di Sepanyol yang merangkumi Almeria, Granada, Jaen, Cordoba, Malaga, Sevilla, Huelva dan Cadiz. Tamadun Islam Sepanyol ini telah bertapak selama 805 tahun yang menyaksikan betapa agama Islam banyak mempengaruhi corak hidup rakyat. Sepanyol mengalami zaman gelap sebelum kedatangan Islam kerana rakyat hidup menderita di bawah pemimpin yang tamak. Setiap peperangan yang berlaku akan berakhir dengan kemenangan oleh pejuang Islam yang menjadi titik tolak penyebaran agama Islam di bumi Sepanyol.

Penyebaran Islam pertama berlaku semasa di bawah pemerintahan Dinasti Umawi atau Umayyah selama 90 tahun bermula dari tahun 660M hinggalah 750M. Nama-nama pejuang Islam yang hebat seperti Yazid bin Muawiyah, Musa bin Nusair, Tharif bin Malik, Tariq bin Ziyad diceritakan satu persatu sumbangan mereka dalam usaha menyebar luaskan penjajahan Islam di Sepanyol. Kehebatan mereka membuka bandar seperti Sevilla, Almaraz, Toldeo, Zaragoza dan lain-lain hanya berlaku dalam tempoh 3 tahun sahaja. Kejayaan dalam Peperangan Wadi Barabat atau Wadi Lukkan atau dalam bahasa Sepanyol disebut sebagai Guadalete selama 8 hari berturut-turut memperlihatkan betapa hebatnya pejuang-pejuang Islam ini dalam menakluk Sepanyol walaupun mendapat tentangan sengit daripada tentera kerajaan di bawah pimpinan Raja Roderick. Kehebatan mereka ini digeruni oleh kuasa-kuasa Eropah kerana memberi ruang kepada penyebaran agama Islam.

Bab seterusnya menyentuh kegemilangan Sepanyol di bawah pemerintahan Gabenor yang menyaksikan berlakunya proses pengislaman dalam kalangan rakyat Kristian secara sukarela. Kemajuan dan tamadun kemanusiaan dibina dengan penuh semangat, kerana semasa kedatangan pejuang Islam ini orang-orang Kristian Sepanyol berada dalam zaman kegelapan dengan amalan kepercayaan tahyul dan kejahilan tersebar luas. Diceritakan juga betapa konsep toleransi yang diamalkan oleh pejuang Islam yang memberi kebebasan beragama dan beribadat sehinggakan tiada satupun gereja diruntuh atau diambil alih secara paksa. Bahkan dibawah pentadbiran Islam ini, pembangunan infrastruktur dan keperluan rakyat dititikberatkan seperti pembinaan jambatan Cordoba yang dikagumi oleh Barat.

Beberapa nama pemimpin terkenal diceritakan oleh penulis seperti Abdul Aziz bin Musa bin Nusair (714M -716M) yang sangat berwibawa serta tangkas di medan jihad. Al-Hur bin Abdul Rahman al-Thaqafi (716M-718M) bertanggungjawab memadamkan pergolakan dalaman dan permusuhan antara bangsa Barbar dan bangsa Arab. Al-Samh bin Malik (718M-721M) seorang pemimpin yang kuat pegangan agamanya, membaiki infrastruktur di sekitar Andalus serta mempunyai semangat jihad yang tinggi. Anbasah bin Suhaim pula (103M-107M) merupakan seorang gabenor yang sukakan jihad dan dakwah serta memerintah dengan adil. Dan Abdul Rahman al-Ghafiqi pula bertanggungjawab menyatu padukan perpaduan orang-orang Islam di Sepanyol yang mula goyah serta menawan semula bandar-bandar yang telah jatuh ke tangan pihak musuh.

Fasa pemerintahan kedua oleh gabenor pula memperlihatkan beberapa nama tokoh Islam telah dibincangkan oleh penulis. Abdul Malik bin Qatan al-Fihri (732M-734M dan 740M-742M) digambarkan sebagai seorang pemimpin yang tangkas dan berjaya memaksa kuasa Kristian membuat perjanjian damai. Uqbah bin Hajjaj al-Salul (734M-740M) pula telah berjaya mengislamkan seramai 2,000 tahanan Kristian dengan rela hati hasil dari dakwah beliau yang banyak menerangkan tentang kebaikan Islam. Selain itu beliau juga berjaya memantapkan ekonomi, membina masjid dan sekolah serta memantapkan aspek keselamatan. Abu al-Khattar Husam bin Dhirar (743M-745M) pula bertanggungjawab membawa ketenteraman dalam negara melalui idea pemberian kuasa autonomi kepada setiap kaum dalam mentadbir wilayah masing-masing.

Beberapa peristiwa penting diceritakan oleh penulis dalam pentadbiran fasa kedua ini yang menyebabkan kerajaan Islam Sepanyol kehilangan banyak jajahan. Perbalahan dalaman akibat perebutan kuasa dan mengejar kekayaan menyebabkan satu demi satu bandar taklukan jatuh ke tangan musuh. Kesannya tentera Islam Sepanyol mula mengalami kekalahan dalam setiap peperangan dan berlaku pemberontakan rakyat terhadap pemimpin yang zalim. Akhirnya kerajaan Umawi digantikan dengan kerajaan Abbasiyah. Kelemahan pemerintahan gabenor dalam fasa kedua pentadbiran menyaksikan era kegemilangan tentera Islam mula pudar disebabkan wujudnya sikap perkauman antara Arab Mesir, Arab Hijaz dan Arab Yaman yang membawa kepada terhentinya gerakan jihad.

Manakala dalam bab berikutnya penulis menceritakan pentadbiran selepas pemerintahan gabenor yang dikenali sebagai fasa pertama pemerintahan khalifah. Seramai 10 pemerintah diceritakan oleh penulis tentang sumbangan dan kehebatannya. Abdul Rahman I al-Dakhil (755M-788M) bertanggungjawab memulakan era baru iaitu pemerintahan beraja di Sepanyol. Kedatangan Abdul Rahman ke bumi Sepanyol telah menyelamatkan Sepanyol dari ditelan oleh kuasa Kristian. Bagi mengukuhkan perpaduan masyarakat ketika itu, beliau telah mengambil semua etnik dari pelbagai keturunan menjadi tentera rasmi Sepanyol dan keadaan ini dilihat dapat mengukuhkan benteng pertahanan. Abdul Rahman juga telah membina masjid Cordoba, mendirikan tempat untuk menempa wang rasmi negara, membina pelabuhan-pelabuhan baharu dipersisiran pantai Sepanyol bagi tujuan ketenteraan dan perdagangan.

Seterusnya Abdul Rahman telah melantik anaknya Hisyam (788M-796M) sebagai pengganti kerana Hisyam sangat adil memerintah disebabkan kewarakan yang dimilikinya. Di bawah pemerintahan Hisyam, ilmu dan bahasa Arab dapat diajar di pusat pengajian orang-orang Yahudi dan Kristian di Sepanyol. Pemerintah berikutnya adalah Al-Hakam bin Hisyam (796M-822M) iaitu seorang yang bengis dan kasar. Al-Hakam menentang setiap pemberontakan dengan kekasaran dan mengenakan cukai yang tinggi kepada peniaga. Kesan daripada sikap tersebut beberapa bandar telah jatuh ke tangan Kristian di Sepanyol. Pengganti seterusnya ialah Abdul Rahman II (822M-852M) yang terkenal dengan keperibadian yang luhur. Beliau amat mencintai ilmu dan mendirikan perpustakaan Cordoba yang penuh dengan buku-buku berharga. Hal ini memberi ruang kepada para cendekiawan melakukan banyak penyelidikan yang membawa kepada penemuan seperti alat menyukat waktu, pen berdakwat dan banyak lagi. Di bawah pentadbiran beliau juga, pertumbuhan ekonomi melonjak tinggi, bangunan-bangunan didirikan dengan seni bina bermutu tinggi, taman-taman serta jalan raya dibina sambil jalan-jalan diterangi lampu. Kemenangan ke atas peperangan dengan tentera Viking menjadikan kerajaan Sepanyol ketika itu digeruni oleh negara-negara sekitarnya seperti Denmark dan negara Eropah lain.

Tampuk pemerintahan Islam di Sepanyol mula menunjukkan zaman kelemahan selepas pentadbiran Abdul Rahman II. Perpecahan mula berlaku semasa pemerintahan al-Munzir (886M-888M) kerana adanya pemberontakan dari rakyat dan merebak sehingga ke pentadbiran Abdullah (888M-912M). Selain pemberontakan, tanda-tanda kejatuhan Islam yang diceritakan oleh penulis juga disebabkan sikap orang Islam itu sendiri. Antaranya berebut harta rampasan, leka dengan hiburan yang dibawa masuk oleh al-Ziryad seorang penyanyi terkenal di Baghdad serta pemberontakan Umar bin Hafsun yang berpaling tadah dan keluar dari Islam dengan gelaran nama baru Samuel. Pada saat kerajaan Islam Sepanyol menuju kejatuhan, cucu kepada Abdullah telah bangkit menyahut seruan menyelamatkan Sepanyol yang sudahpun berada di ambang kehancuran. Abdul Rahman III (912M-961M) telah berjaya menyatukan kembali perpecahan dalaman, meletakkan ulama di tempat yang terhormat serta seorang yang merendah diri. Abdul Rahman juga berjaya membuatkan Umar bin Hafsun menyerahkan 163 buah kubu kepada beliau sebagai syarat berdamai, memenangi peperangan Moubesh yang berlangsung selama 3 bulan, membina bandar pentadbiran al-Zahra dan simpanan negara mencecah 6 juta dinar emas.

Kegemilangan Sepanyol diteruskan lagi di bawah pentadbiran khalifah al-Hakam bin Abdul Rahman al-Nasir (961M–976M). Beliau amat mencintai ilmu dan mengasaskan sebuah perpustakaan diberi nama perpustakaan Umawi. Bertitik tolak daripada kecintaan beliau terhadap ilmu, Sepanyol menjadi negara pengeluar kertas, dakwat, menerbit dan menjilid buku. Negara-negara Eropah seperti Itali telah membeli kertas dan peralatan tulisan daripada Sepanyol. Al-Hakam juga telah mengasaskan Masjid Besar Cordoba sebagai sebuah universiti dengan menubuhkan jabatan pendidikan bagi tujuan menyediakan gaji bagi setiap tenaga pengajar. Setelah al-Hakam ditimpa penyakit strok, pentadbiran beliau telah diserahkan kepada anaknya yang berumur 12 tahun iaitu Hisyam bin al-Hakam (1013M).

Disebabkan penasihat yang dilantik membantu anaknya Hisyam bercita-cita ingin menjadi pemerintah tertinggi maka kehebatan Hisyam tidak dapat dipamerkan seperti mana ayahnya al-Hakam. Penasihat yang dimaksudkan ialah Muhammad bin Abi Amir yang secara perlahan meminggirkan kedudukan Hisyam sebagai pemerintah. Oleh sebab Muhammad bin Abir Amir atau dikenali sebagai Al-Mansur terkenal dengan semangat jihad dan syahid, maka tentera Islam pimpinannya mampu sampai di kawasan baharu yang tidak pernah diterokai oleh mana-mana pejuang sebelum ini. Al-Mansur berjaya menjadikan Bandar al-Zahirah sebagai pusat pemerintahan yang menggunakan teknologi paling terkini pada masa itu. Al-Mansur telah menamakan anaknya Abdul Malik bin al-Mansur sebagai pengganti beliau selepas meninggal dunia pada 1002M.

Abdul Malik seperti juga ayahnya adalah seorang yang berkaliber, warak, cinta akan jihad dan syahid. Setelah beliau mati syahid pada 1008M, tempat beliau diganti oleh adiknya iaitu Abdul Rahman. Dan pelantikan tersebut telah membawa kepada penamat kekuasaan keluarga Amiriah kerana Abdul Rahman lebih suka berfoya-foya serta menghabiskan masa dengan perempuan dan muzik. Kematian Abdul Rahman secara mengejut akibat dibunuh telah membawa negara Islam Sepanyol dilanda krisis kerana berlaku perebutan kuasa di antara ketua-ketua kawasan. Kesilapan utama yang dilakukan adalah dengan meminta bantuan daripada kerajaan Kristian Sepanyol untuk menentang saudara sesama Islam sendiri. Pertempuran di antara tentera al-Mahdi dengan tentera Sulaiman menyaksikan kerajaan Kristian sedikit demi sedikit dapat meluaskan kuasa pemerintahan mereka dan sekaligus membawa kejatuhan Islam ke tangan kristian. Keadaan ini menyaksikan era kegemilangan Islam di Sepanyol terkubur begitu sahaja dek kerana ketamakkan pemerintah Islam itu sendiri.

Secara keseluruhan, penulis berjaya menghuraikan secara ringkas kronologi setiap peristiwa yang berlaku sebelum, semasa dan selepas kedatangan Islam di bumi Sepanyol. Penggunaan gaya bahasa yang ringkas membuatkan para pembaca mudah memahami setiap maklumat yang dibincangkan. Gambaran lakaran ilustrasi yang diselitkan pada setiap helaian muka surat dapat membantu pembaca menggambarkan suasana yang diceritakan oleh penulis. Buku ini sangat bagus untuk dijadikan rujukan pembaca kepada pembaca yang ingin mengetahui dan mengkaji kedatangan Islam ke Sepanyol dan sebab kejatuhannya. Cadangan kepada penulis, mungkin boleh ditambahkan lagi senarai nama tokoh-tokoh Islam Andalus dalam bidang masing-masing seperti yang diceritakan penulis tentang Ibn Firnas (888M) pakar bidang kimia, Abu Qasim al-

Zahrawi (1013M) yang mencipta benang menjahit luka dan sebagainya agar kehebatan pakar Islam ini dapat diceritakan kepada generasi sekarang.

**Salina Husain**

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa Asing

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia